

05/04/1997

Pengerusi Bursa Saham Khartoum sertai seminar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengerusi Bursa Saham Khartoum, Sudan, Abdel-Rahim Mahmoud Hamdi yang mengkhusus dalam kajian perbankan Islam adalah antara tokoh yang akan hadir di Seminar Antarabangsa Mengenai Dunia Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21 selama tiga hari, di sini mulai 25 April ini.

Sumbangan beliau dalam bidang akademik merangkumi pelbagai siri syarahan, seminar, kertas kerja dan risalah dalam subjek perbankan Islam, insurans, pelaburan serta isu kewangan dan fiskal.

Beliau aktif menyertai seminar di peringkat tempatan dan antarabangsa seperti di Arab Saudi, Switzerland, United Kingdom, Mesir, Algeria, Tunisia dan Turki.

Selain menjawat jawatan Pengerusi Bursa Saham Khartoum, Abdel-Rahim menjadi Pengerusi dan Pengarah Urusan syarikat perunding dan pelaburan di negara itu.

Beliau juga pernah dilantik Menteri Kewangan dan Perancang Ekonomi Sudan dan berjaya meningkatkan keluaran negara kasar (KDNK) negara itu dari - 1.5 peratus kepada 13.1 peratus.

Abdul-Rahim juga pernah menjadi Timbalan Pengurus Besar Al Baraka International Bank Limited dan berjaya mengembangkan bank itu.

Seminar yang dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)